

## ***“TRANSFORMASI KE ARAH PERKHIDMATAN AWAM YANG PROGRESIF”***

### **1. HURAIAN TEMA**

Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sedang berada di zaman yang serba mencabar dan mengalami pelbagai perubahan. Cabaran dan perubahan ini sebahagian besarnya berkait rapat dengan *survival* bangsa dan Negara di masa hadapan yang dibawa oleh arus globalisasi yang mengakibatkan isu sosio-ekonomi, bukan sahaja dihadapi oleh sesebuah Negara, bahkan juga telah menjadi satu isu global. Ini adalah memandangkan pergantungan di antara Negara-negara adalah satu realiti dan agenda utama, bukan sahaja dari segi perdagangan dan perhubungan, bahkan juga dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi.

Tema ini memberi penekanan terhadap kepentingan Perkhidmatan Awam yang berdaya maju dalam terus berusaha untuk menyediakan eko-sistem dan persekitaran yang terbaik bagi rakyat Negara Brunei Darussalam. Transformasi membawa erti responsif terhadap aspirasi dan lebih prihatin kepada keperluan masyarakat. Ianya juga termasuk transformasi cara berfikir dan bertindak dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan bagi merealisasikan wawasan negara.

Untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035, warga Perkhidmatan Awam perlulah bersedia untuk mengubah cara berfikir daripada cara lama yang boleh mengongkong kemajuan, kepada cara yang positif dan konstruktif selaras dengan kemajuan dan kehendak semasa dan akan datang. Oleh yang demikian, warga Perkhidmatan Awam haruslah berfikiran secara proaktif, disamping bersikap adaptif dan responsif terhadap perubahan persekitaran serta mampu berhadapan dengan realiti.

Dalam era perubahan yang pantas, warga Perkhidmatan Awam hendaklah memiliki “attitude of mind” yang kreatif dan inovatif dalam menghadapi cabaran-cabaran

pentadbiran awam di alaf yang baru ini. Dengan mempunyai keupayaan seperti ini, warga Perkhidmatan Awam akan dilengkapi dengan daya fikir yang tinggi serta mempunyai kemauhan dan keberanian dalam membuat perubahan.

Justeru adalah perlu bagi agensi Perkhidmatan Awam itu untuk sentiasa mementingkan budaya kerja yang dinamik, kreatif dan progresif serta berkomitmen tinggi dalam melaksanakan pembaharuan dan penambahbaikan yang berterusan. Hal ini amat penting dan juga ditekankan dalam Wawasan Perkhidmatan Awam Abad ke-21 supaya Perkhidmatan Awam sentiasa membangun dan maju mengikut kemampuan serta keupayaannya sendiri berlandaskan ajaran dan akidah Islam yang direhui Allah Subhanahu Wata'ala jua, dalam keadaan dan suasana yang aman, makmur, tenteram di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua. Dalam hal ini, Wawasan Perkhidmatan Awam Abad ke-21 juga menghendaki setiap agensi Kerajaan dalam Perkhidmatan Awam supaya sentiasa melaksanakan transformasi dan penambahbaikan yang progresif ke atas tiga (3) fokus utama iaitu struktur organisasi, dasar dan perlakuan organisasi.

Matlamat mewujudkan perkhidmatan yang cemerlang hanya boleh dicapai menerusi transformasi minda dan sikap yang positif dan murni yang akan bertindak sebagai pemangkin dan pencetus kepada kecemerlangan dan keberkesanan perkhidmatan. Pembaharuan-pembaharuan dari aspek struktur organisasi, peralatan pejabat, sistem prosedur kerja, teknologi komputer dan sebagainya tidak akan memberikan kesan atau impak yang signifikan tanpa diiringi dengan kesedaran dan transformasi minda dan sikap positif serta komitmen yang tinggi terhadap keperluan menyediakan perkhidmatan yang cemerlang bagi memenuhi kehendak pihak-pihak yang berkepentingan.